

02/11/2001

RM200 untuk pesara, Jusa naik gaji

Wan Esuriyanti Wan Ahmad

KUALA LUMPUR, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini, mengumumkan pemberian imbuhan sebanyak RM200 kepada pesara selain bonus setengah bulan dan kenaikan gaji pokok sebanyak 10 peratus kepada penyandang Jawatan Utama Sektor Awam (Jusa).

Perdana Menteri berkata, keputusan pemberian imbuhan dan bonus itu dilakukan selepas pembentangan Belanjawan 2002 bulan lalu dan mengambil kira rungutan daripada kumpulan berkenaan.

"Kita bagi bayaran secara puratalah. Dia (pesara) bukan kerja apa atau sumbang apa-apa tapi kita bagi juga sebagai hadiah.

"Kita buat keputusan ini kemudian (selepas Belanjawan) pasal ada orang bersungut pasal apa tak dapat," katanya kepada pemberita selepas menghadiri Malam Belanjawan 2002 anjuran Kementerian Kewangan, di sini malam ini.

Keputusan kerajaan memberi hadiah sebanyak RM200 kepada setiap pesara akan memberi manfaat kepada kira-kira 280,000 pesara. Difahamkan pembayaran imbuhan berkenaan akan dibuat bulan ini.

Ketika membentangkan Belanjawan 2002 bulan lalu, Dr Mahathir mengumumkan lebih 900,000 kakitangan kerajaan akan menikmati bonus setengah bulan gaji atau sekurang-kurangnya RM1,000 tahun ini dan kenaikan gaji pokok 10 peratus tahun depan.

Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan, berkata kenaikan gaji 10 peratus bagi peringkat Jusa bermula tahun depan.

"Dulu kita tak bagi (kenaikan gaji) tapi kali ini, kenaikan 10 peratus adalah kepada semua," katanya sambil menambah, pemberian bonus sebanyak setengah bulan gaji turut diberikan kepada kumpulan berkenaan.

Ketika menyampaikan ucapan pada majlis itu, Dr Mahathir berkata, sebelum belanjawan dibentangkan kerajaan menerima banyak maklum balas daripada pihak swasta, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan badan berkanun.

Katanya, ketiga-tiga sektor berkenaan meminta kerajaan meningkatkan perbelanjaan dan mengurangkan cukai.

"Kedudukan kewangan negara masih stabil dan sihat sehingga kita dapat tambah perbelanjaan dan mengurangkan cukai untuk 2002," katanya.

(END)